

28 AUG 1998

KOMANWEL: HANYA PIHAK TERTENTU DIBENAR LIHAT RAPTAI TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Raptai penuh upacara pembukaan Sukan Komanwel ke-16 pada 9 Sept ini di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini tidak dibuka kepada orang ramai, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini, hari ini.

Hanya kumpulan dan pihak tertentu sahaja, termasuk yang terbabit secara terus dibenar melihat prelu upacara pembukaan itu yang akan turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhyiddin berkata ahli keluarga sukarelawan, mereka yang terbabit dengan pertunjukan dan pihak yang banyak memberi sumbangan kepada persiapan upacara ini, akan diberi pas menyaksikan raptai itu.

"Pihak media juga dibenar menyaksikan raptai ini, tetapi dilarang mengambil gambar atau merakam upacara ini," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas merasmikan Perkampungan Sukan di Bukit Jalil di sini.

Beliau berkata sebanyak 90,000 pas akan dikeluarkan untuk raptai ini.

-- BERNAMA

DC ZB